

Kompleks Pusat Islam USIM siap 2016

Nilai: Projek pembangunan Kompleks Pusat Islam Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang terhenti sejak 2002 kini disambung semula pembinaannya dan dijangka siap pada Februari 2016.

Kompleks seluas 6,500 meter persegi itu menempatkan sebuah masjid berkapasiti 4,000 jemaah dan memiliki ruang solat dua tingkat, bilik pengurusan jenazah dan pejabat pentadbiran serta beberapa kemudahan lain untuk merancakkan aktiviti dan agenda Islam di dalam kampus dan masyarakat Islam sekitarnya.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) USIM, Prof Datuk Dr Musa Ahmad berkata, kedatangan Ramadan kali ini membawa khabar gembira kepada warga USIM apabila projek itu disambung semula sejak terhenti pada 2002 atas faktor kekangan peruntukan kewangan kerajaan ketika itu.

Katanya, projek menelan kos pembinaan berjumlah RM20 juta itu menggunakan peruntukan Kerajaan Pusat dan kerja-kerja tanah sudah dimulakan pada 2 Jun lalu oleh syarikat kontraktor yang dilantik.

"Pembinaan Pusat Islam ini amat ditunggu-tunggu oleh warga USIM. Lokasinya semasa perancangan pembinaan kampus dulu kita letakkan pada kedudukan yang strategik iaitu di antara Bangunan Canselori dan Perpustakaan.

"Kedudukannya membawa perlambangan yang unik kepada USIM sebagai sebuah universiti berteraskan pendidikan Islam.

"Ini kerana elemen pentadbiran (Canselori), keilmuan (Perpustakaan) dan keimanan (Pusat Islam) perlu sentiasa dibawa bersama untuk menjayakan falsafah, misi dan visi penubuhan USIM," katanya dalam satu kenyataan di sini.